



Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

**Kesan Pelaburan Langsung Asing dan Eksport dalam Pertumbuhan
Ekonomi di Negara-Negara ASEAN-5: Satu Kajian Empirikal**

Alice Voon Yian Choo

**Sarjana Sains
2016**

Kesan Pelaburan Langsung Asing dan Eksport dalam Pertumbuhan Ekonomi di
Negara-Negara ASEAN-5: Satu Kajian Empirikal

ALICE VOON YIAN CHOO

Tesis dikemukakan
untuk memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Ekonomi

Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2016

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Saya mengakui bahawa laporan ini

**“Kesan Pelaburan Langsung Asing dan Eksport dalam Pertumbuhan Ekonomi di
Negara-Negara ASEAN-5: Satu Kajian Empirikal”**

adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang setiap
satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Tarikh

ALICE VOON YIAN CHOO

09021452

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Puah Chin Hong dan Dr. Fariastuti Binti Djafar yang selaku penyelia saya atas penyeliaan, nasihat, bimbingan, sokongan dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya kertas ilmiah ini. Segala usaha dan jasa baik tidak akan saya lupakan selamanya.

Saya juga tidak akan lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan dari Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan yang telah membimbing, memberi bantuan, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya semasa menuntut di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Seterusnya, saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak memberi sokongan, kerjasama, bantuan dan semangat kepada saya untuk menyempurnakan kertas ilmiah ini dan sepanjang pengajian saya di UNIMAS. Budi dan jasa baik akan saya kenangi.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa, adik-beradik, suami dan anak saya yang mencurahkan kasih sayang, sokongan moral dan galakan kepada saya sepanjang pengajian ini.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN-5, iaitu, Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina dari tahun 1980 hingga 2013. Ujian kepegunan PP (*Philip-Perron*) menunjukkan bahawa semua pembolehubah adalah pegun, $I(1)$. Ujian kopengamiran *Johansen* dan ECM (*Error Correction Model*) menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu trend stokastik antara pembolehubah bagi negara-negara ASEAN-5 yang dikaji. FDI dan eksport adalah signifikan bagi negara-negara ASEAN-5 dalam jangka masa panjang. Ujian diagnostik menunjukkan bahawa model bagi Malaysia menghadapi permasalahan spesifikasi model. VECM (*Vector Error Correction Model*) menunjukkan bahawa terdapat hubungan penyebab Granger adalah dari FDI dan eksport kepada KDNK bagi negara Malaysia. Manakala, terdapat hubungan penyebab Granger adalah dari FDI kepada KDNK bagi negara Singapura; dan terdapat hubungan penyebab Granger dari eksport kepada KDNK bagi negara Thailand. Negara-negara ASEAN-5 mempunyai pelan pembangunan negara / strategi masing-masing di mana FDI dan Eksport dipentingkan agar pertumbuhan ekonomi dapat dipertingkatkan.

Effect of Foreign Direct Investment and Exports towards Economic Growth for ASEAN-5

Countries: An Empirical Study

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify factors affecting economic growth for ASEAN-5 countries, namely, Malaysia, Singapore, Indonesia, Thailand and Philippines from 1980 to 2013. PP (Philip-Perron) tests show that all variables are stationary at I(1). Johansen tests and ECM (Error Correction Model) indicate that there is at least one stochastic trend among the variables for ASEAN-5 countries. FDI and export are significant in long run. Diagnostic checks indicate that model for Malaysia might be facing mis-specification error. VECM (Vector Error Correction Model) indicate that there is Granger causality from FDI and export to GDP for Malaysia. While, there is Granger causality from FDI to GDP for Singapore; and there is Granger causality from export to GDP for Thailand. ASEAN-5 countries have their own national development plan / strategy which emphasis on FDI and export for economic growth.

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		xi
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB 1	PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Kerangka Teori	3
1.2	Latar Belakang Negara ASEAN-5	4
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Objektif Umum	13
1.5	Rasional Kajian	13
1.6	Skop Kajian	14
1.7	Rangka Kajian	14
BAB 2	ULASAN KARYA TERPILIH	
2.0	Pengenalan	15
2.1	Teori Dan Permodelan Pertumbuhan Ekonomi	15
2.2	Metodologi Ulasan Karya Terpilih	20
2.2.1	Ujian Kepegunan	20
2.2.2	Ujian Kopegamiran	22
2.2.3	Model Pembetulan Ralat	23
2.2.4	Ujian Penyebab Granger Dengan VECM	23

2.3	Ulasan Karya Terpilih	24
2.3.1	Pertumbuhan Diterajui oleh FDI dan Eksport	26
2.3.2	Pertumbuhan Diterajui oleh Eksport	31
2.3.3	Pertumbuhan Diterajui oleh FDI	35
2.4	Rumusan	38

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	39
3.1	Kerangka Konsep / Pembentukan Model	39
3.2	Pendekatan Autoregresi Vektor (VAR)	41
3.3	Ujian Kepegunan	41
3.3.1	Ujian Kepegunan ADF	42
3.3.2	Ujian Kepegunan PP	43
3.4	Ujian Kopingamiran Johansen	45
3.5	Model Pembetulan Ralat	47
3.6	Ujian Penyebab Granger Dengan VECM	48
3.7	Penentuan Lat Optimum	50
3.8	Penerangan Data	52
3.9	Hipotesis Kajian	54

BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	56
4.1	Ujian Kepegunan ADF dan PP	56
4.2	Ujian Kopingamiran Johansen	59

4.3	Model Pembetulan Ralat	64
4.4	Ujian Penyebab Granger dengan VECM	71
4.5	Rumusan	72

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	75
5.1	Ringkasan	75
5.2	Cadangan dan Polisi Implikasi	79
5.3	Kekangan Kajian	82

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	KDNK Per Kapita Benar (USD) bagi Negara-Negara ASEAN-5	7
Jadual 1.2	Perangkaan Penting Ekonomi Negara-Negara ASEAN-5	9
Jadual 2.1	Ringkasan Metodologi dan Ulasan Karya Terpilih	26
Jadual 3.1	Data dan Sumber Data	52
Jadual 4.1	Keputusan Ujian Kepegunan ADF dan PP	57
Jadual 4.2	Penentuan Lat Optimum	59
Jadual 4.3	Keputusan Ujian Kopingamiran Johansen-Juselius	60
Jadual 4.4	Keputusan Ujian ECM dan Ujian Diagnostik	65
Jadual 4.5	Ujian Penyebab Granger Dengan VECM	71
Jadual 5.1	Rancangan Pembangunan Jangka Masa Sederhana	80
Jadual 5.2	Rumusan Cabaran dan Tindak Balas Dasar Jangka Sederhana	81

SENARAI RAJAH

Rajah 4.1	CUSUM dan CUSUM Kuasa Dua bagi Negara Malaysia	66
Rajah 4.2	CUSUM dan CUSUM Kuasa Dua bagi Negara Singapura	67
Rajah 4.3	CUSUM dan CUSUM Kuasa Dua bagi Negara Indonesia	68
Rajah 4.4	CUSUM dan CUSUM Kuasa Dua bagi Negara Thailand	69
Rajah 4.5	CUSUM dan CUSUM Kuasa Dua bagi Negara Filipina	70

SENARAI SINGKATAN

	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
ADBI	Asian Development Bank Institute	Institusi Bank Pembangunan Asian
ADF	Augmented Dickey-Fuller	Imbuhan Dickey-Fuller
AFTA	ASEAN Free Trade Area	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
AIC	Akaike Information Criterion	Kriteria Maklumat Akaike
AR	Autocorrelation	Autokorelasi
ARCH	Autoregressive Conditional Heteroscedasticity	Autoregrasi Heteroskedastisiti Bersyarat
ASEAN+3	ASEAN, China, Japan and Korea	ASEAN, China, Jepun dan Korea
ASEAN-5	Association of South East Asian Nation-5	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara-5
CUSUM	Cumulative Sum	Hasil Tambah Kumulatif
CUSUMSQ	Cumulative Sum of Square	Hasil Tambah Kumulatif Kuasa Dua
DF	Dickey-Fuller	Dickey-Fuller
DGLS	Dynamic Generalized Least Squares	
DOLS	Dynamic Ordinary Least Square	Kuasa Dua Terkecil Lazim Dinamik
DW	Durbin Watson	Durbin Watson
EBA	Extreme-Bounds Analysis	Analisis Batas Melampau
ECM	Error Correction Model	Model Pembetulan Ralat
ECT	Error Correction Term	Terma Pembetulan Ralat
ELG	Export-Led Growth	Pertumbuhan yang diterajui oleh Eksport
ETP	Economics Transformation Programs	Program Transformasi Ekonomi
EU-25	European Union-25	Kesatuan Eropah-25
FDI	Foreign Direct Investment	Pelaburan Langsung Asing
FTZ	Free Trade Zone	Zon Perdagangan Bebas
GLE	Growth Led Export	Eksport yang diterajui oleh Pertumbuhan
GLS	Generalized Least Square	Kuasa Dua Terkecil Am
GMM	Generalized Method of Moment	Kaedah Detik Am

ICT	Information and Communication Technology	Maklumat dan Teknologi Komunikasi
IFS	International Financial Statistics	Statistik Kewangan Antarabangsa
IMF	International Monetary Fund	Tabungan Kewangan Antarabangsa
In	Logarithm	Logaritma
IP	Intellectual Property	Harta Intelek
IRF	Impuls Response Function	Fungsi Tindak Balas Impuls
ISI	Import-Substitution Industrialization	Industri Penggantian Import
JB	Jarque-Bera	Jarque-Bera
KDNK		Keluaran Dalam Negara Kasar
KNK		Keluaran Negara Kasar
KPSS	Kwiatkowski-Phillips-Schmidt-Shin	Kwiatkowski-Phillips-Schmidt-Shin
LM	Lagrange Mutiplier	Pengganda Lagrange
M & A	Merger And Acquisitions	Penggabungan dan Pengambilalihan
MFR	Mixed Fixed and Random	
MNC	Multinational Company	Syarikat-syarikat Multinasional
OECD	Organisation Economy Co-operation and Development	Negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OLS	Ordinary Least Squares	Kaedah Kuasa Dua Terkecil
PP	Phillips-Perron	Phillips-Perron
R & D	Research and Development	Penyelidikan dan Pembangunan
RESET	Regression Specification Error Test	Ujian Ralat Spesifikasi Regresi
SARS	Severe Acute Respiratory Syndrome	Wabak Sindrom Pernafasan Akut
SBC	Schwarz Bayesian Criterion	Kriteria Schwarz Bayesian
SIC	Schwarz Information Criteria	Kriteria Maklumat Schwarz
SME	Small and Medium Enterprise	Perusahaan Kecil dan Sederhana
TFPG	Total Factor Productivity Growth	Pertumbuhan Faktor Produktiviti Menyeluruh
THB	Thai Baht	Thai Baht
TYDL	Toda & Yamamoto (1995) and Dolado & Lutkepohl (1996)	Toda & Yamamoto (1995) dan Dolado & Lutkepohl (1996)
UNCTAD	United Nations Conference On Trade And Development	Persidangan Pembangunan dan Perdagangan Bangsa-Bangsa Bersatu
USD	US Dollar	Dolar US
VAR	Vector Autoregressions	Vektor Autoregrasi
VDC	Variance Decomposition	Dekomposisi Varian
VECM	Vector Error Correction Model	Mekanisme Pembetulan Ralat Vektor
WLS	Weighted Least Squares	

WTO
X

World Trade Organisation
Export

Pertubuhan Perdagangan Dunia
Eksport

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam model pertumbuhan neoklasik, kemajuan teknologi dan pertumbuhan pekerja adalah eksogen, pengaliran masuk pelaburan langsung asing meningkatkan kadar pelaburan yang meningkatkan pendapatan per kapita, secara tidak langsung, pertumbuhan ekonomi juga akan meningkat dalam jangka masa panjang. Dalam tahun 1980-an, teori pertumbuhan baru telah mengendogenkan kemajuan teknologi dan FDI serta ianya telah dianggap mempunyai kesan pertumbuhan yang kekal di negara tuan rumah melalui pemindahan teknologi dan limpahan teknologi. Sebagai contoh, aliran masuk FDI dunia meningkat dengan mantap dan pesat dari USD 208 bilion pada tahun 1990 kepada hampir USD 1,415 bilion pada tahun 2000, walaupun ia menurun kepada USD 604 bilion pada tahun 2003, tetapi telah meningkat semula ke tahap maksimum iaitu hampir USD 2002 bilion pada tahun 2007; pada tahun 2013, aliran masuk FDI dunia meningkat kepada hampir USD 1,452 bilion (UNCTAD, 2015). Terdapat perbincangan berterusan mengenai kesan FDI kepada ekonomi negara tuan rumah, seperti de Mello (1999) dan Fan (2002). Kebanyakan kajian mendapati kesan positif daripada FDI pada pertumbuhan ekonomi dalam tempoh peralihan dan jangka masa panjang melalui pengumpulan modal dan pemindahan teknikal atau pengetahuan, terutamanya di bawah perdagangan bebas.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian menunjukkan bahawa kesan positif boleh menjadi tidak signifikan atau kesan boleh menjadi negatif (Carkovic dan Levine, 2005),

mungkin kerana menjejaskan modal domestik atau pembangunan ekonomi di wilayah. Kajian Dunning (1993) menyatakan bahawa syarikat-syarikat multinasional (Multinational Company, MNC) cenderung untuk mencari di negara-negara atau wilayah yang lebih produktif, berkembang pesat, dengan itu aliran masuk FDI boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Pendek kata, hubungan penyebab FDI dan pertumbuhan ekonomi boleh dikatakan adalah dwiarah.

Dalam sebuah negara yang mempunyai ekonomi terbuka, teknologi dan pengetahuan boleh dipindahkan melalui eksport dan import; dengan ini, pertumbuhan ekonomi dapat ditingkatkan seperti Frankel dan Romer (1999), dan Frankel *et al.* (1996). Walau bagaimanapun, pertumbuhan juga mempunyai kesan ke atas perdagangan (Rodriguez dan Rodrik, 2000). Dalam ulasan karya pembangunan, ini dikenali sebagai hubungan antara rejim perdagangan/orientasi ke luar dan pertumbuhan (Edwards, 1998). Dalam analisis empirikal, polisi berorientasikan keluar (outward-oriented policies) biasanya diukur oleh eksport (Greenaway *et al.*, 2002). Oleh itu, topik hubungan antara eksport-pertumbuhan telah menjadi subjek perbahasan yang meluas sejak tahun 1960-an, seperti kajian komprehensif oleh Giles dan Williams (2000) yang mengkaji lebih daripada 150 kertas kerja. Walau bagaimanapun, tidak ada perjanjian yang jelas sama ada hubungan sebab-akibat yang ditentukan eksport yang diterajui oleh pertumbuhan (Growth Led Export, GLE) atau pertumbuhan yang diterajui oleh eksport (Export Led Growth, ELG).

Dengan memerhatikan pada hubungan antara FDI-pertumbuhan dan hubungan antara eksport-pertumbuhan, bahagian ke tiga yang amat berkait rapat dari hubungan segitiga ini telah menimbulkan pemerhatian, iaitu, hubungan antara FDI-eksport. Kemungkinan disebabkan

hubungan FDI-eksport memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi secara tidak langsung, maka, hubungan FDI-eksport kurang diberi perhatian dalam perbincangan akademik, serta kajian komprehensif atas topik ini nampaknya tidak wujud. Oleh itu, hubungan boleh menjadi positif atau negatif, jika terdapat hubungan antara FDI dan eksport. Selain itu, eksport akan meningkatkan FDI dengan mengurangkan kos transaksi pelabur atas pengetahuan tentang struktur pasaran di negara tuan rumah. FDI akan mengurangkan eksport dengan pembuatan barangan secara langsung di negara tuan rumah agar menjimatkan kos pengangkutan.

1.1 Kerangka Teori

FDI dan eksport boleh mendorong pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), serta eksport dan FDI adalah berkait antara satu sama lain; tetapi, apabila ketiga-tiga pembolehubah digabungkan, hubungan adalah tidak sistematik dalam konteks model ekonomi. Biasanya ulasan karya adalah mengambil hubungan seperti yang diberikan secara ‘*ad hoc*’¹, atau mengembangkan fungsi pengeluaran linear. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan persamaan fungsi pengeluaran Cobb-Douglas yang telah diubahsuaikan, iaitu:

$$Y = f(K, L, F, X) \tag{1.1}$$

sepertimana pembolehubah-pembolehubah yang berikan, Y ialah keluaran negara; K adalah modal; L adalah buruh; F adalah pelaburan langsung asing; dan X ialah eksport.

¹ Hujah secara ‘*ad hoc*’ ialah apabila menguji kesan “keterbukaan” pada pertumbuhan, kedua-dua eksport (atau perdagangan) dan FDI patut dipertimbangkan. Mana-mana satu pembolehubah ditinggalkan akan menyebabkan ralat pembolehubah, menjadikan hubungan sebab-akibat yang tidak jelas. Lihat Ahmad *et al.* (2003) and Cuadros *et al.* (2004).

Kajian ini mementingkan aspek sebenar ekonomi, pembolehubah K dan L dikeluarkan dari persamaan (1.1), dan modal menjadi:

$$Y = f(F, X) \quad (1.2)$$

Oleh sebab kajian ini mengkaji hubungan penyebab Granger antara pembolehubah Y, X, dan F, maka, proses logaritma digunakan oleh pembolehubah-pembolehubah, regresi dan lat bagi setiap pembolehubah akan ditentukan untuk tujuan analisis ekonometrik, iaitu, Model Pembetulan Ralat (Error Correction Model, ECM) dan Mekanisme Pembetulan Ralat Vektor (Vector Error Correction Model, VECM).

1.2 Latar Belakang Negara ASEAN-5

Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara-5 (Association of South East Asian Nation, ASEAN-5) telah ditubuhkan pada Ogos 1967 dengan lima negara asal iaitu, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Keahlian ASEAN kemudiannya telah ditambah kepada sepuluh buah negara, iaitu Brunei Darussalam, Burma (Myanmar), Cambodia, Laos and Vietnam. Tujuan asal ASEAN-5 adalah mengukuhkan kerjasama politik dan ekonomi antara anggota-anggota pertubuhan tersebut.

ASEAN-5 mempunyai kedudukan geografi yang strategik mahupun dari timur ataupun barat dan merupakan kawasan yang berpotensi tinggi untuk perdagangan bebas. ASEAN-5 merupakan destinasi alternatif yang menarik untuk perniagaan, perdagangan dan pelaburan.

Gabungan produktiviti ekonomi ASEAN-5 sebanyak USD 750 milion pada tahun 2004, setanding dengan India yang mempunyai jumlah populasi sebanyak 420 juta orang, dan tidak jauh daripada Kesatuan Eropah-25 (European Union-25, EU-25). Pendapatan per kapita adalah lebih kurang USD 1,800, lebih tinggi daripada China dan dua kali ganda lebih daripada India. Selain itu, Krisis Kewangan Asia yang melanda di Thailand, Indonesia dan Malaysia telah ditangani dengan cara yang unik, secara langsungnya pertumbuhan ekonomi ASEAN-5 telah meningkat dengan ketara. Pertumbuhan KDNK tahunan ASEAN-5 dengan puratanya hampir 5 peratus pada tahun 2000 hingga tahun 2010, tidak jauh daripada India iaitu 6.3 peratus.

ASEAN-5 mempunyai pelbagai bahan mentah dan banyak peluang perdagangan yang belum direalisasikan dengan sepenuhnya. Contohnya, kos buruh yang rendah terutamanya di Indonesia dan Filipina; Malaysia dan Thailand mempunyai kelebihan dalam perindustrian elektronik dan perindustrian automobil disebabkan tenaga kerja mempunyai pendidikan yang agak tinggi dan menerima gaji yang munasabah secara relatif; Singapura dikenalkan dengan infrastruktur yang canggih, peraturan perundangan yang kukuh dan piawaian pengurus yang teguh telah menjadikan Singapura sebagai pusat serantau dan pusat kewangan. Selain itu, rantau ini juga mempunyai sektor pertanian yang kukuh serta agro-industri yang mampat. Tambahan pula, Malaysia dan Indonesia mempunyai perindustrian pengeluaran minyak yang besar manakala Singapura adalah pengeksport minyak terbesar di dunia.

Pendek kata, rantau ASEAN-5 mempunyai potensi yang baik sebagai asas untuk perkilangan dan aktiviti perkhidmatan, sebab disokong oleh tenaga buruh yang banyak, gaji yang munasabah, modal insan yang agak tinggi dan infrastruktur yang menyeluruh.

Keterbukaan kepada perdagangan dan pelaburan serta dasar-dasar pelaburan asing yang menarik telah dilancarkan oleh anggota ASEAN-5 masing-masing. Integrasi ekonomi antara anggota-anggota ASEAN seperti projek-projek yang sedang dijalankan iaitu Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area, AFTA) (Januari 1992), Inisiatif Chiang Mai (kerjasama kewangan serantau) (2000) ke Inisiatif Chiang Mai secara pelbagai hala (Chiang Mai Initiative Multilateralisation – 2009) dan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (Small and Medium Enterprise, SME) di rantau ASEAN pada tahun 2011.

Dengan ini, mobiliti perdagangan, modal dan tenaga buruh meningkat, kecekapan dan produktiviti ekonomi juga meningkat. Pertumbuhan Malaysia akan diteruskan oleh pelaksanaan dalam Program Transformasi Ekonomi (Economics Transformation Programs, ETP) dengan limpahan positif kepada pelaburan swasta, walaupun permintaan pengguna yang lebih perlahan tetapi masih positif, dan tambahan juga eksport. Di Singapura, ekonomi distabil dengan peningkatan permintaan luar negeri. Manakala di Indonesia, kerajaan baru dijangkakan akan memberi tumpuan kepada pembaharuan struktur termasuk pengurangan subsidi kepada bahan api, pembaharuan cukai dan perbelanjaan infrastruktur diutamakan. Selain itu, di Thailand, kerajaan baru yang bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dengan perbelanjaan manakala eksport berada dalam peringkat yang pemulihan. Di Filipina, tinjauan masih positif dengan faktor-faktor domestik yang didorong oleh pengiriman wang.

FDI dan eksport telah memainkan peranan yang penting dalam trend globalisasi dan integrasi dalam ekonomi dunia (Kreuger, 1975, Greenaway dan Nam, 1988). Selain itu, FDI dan liberalisasi perdagangan adalah sumber penting untuk meningkatkan pertumbuhan

ekonomi. Sebagai contoh, salah satu daripada negara-negara perindustrian yang baru – Singapura telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan dan kemajuan sosial sejak 1970-an. Sektor utama yang ditekankan oleh Singapura adalah industri pembuatan, terutama eksport dan penapisan barangan yang diimport.

Jadual 1.1: KDNK Per Kapita Benar (USD) bagi Negara-Negara ASEAN-5

Tahun	Malaysia	Singapore	Indonesia	Thailand	Philippines
1980	2,340	9,793	559	920	1,109
1981	2,441	10,629	590	955	1,116
1982	2,522	11,134	589	988	1,125
1983	2,610	11,795	627	1,024	1,115
1984	2,738	12,526	656	1,063	1,006
1985	2,635	12,162	659	1,092	907
1986	2,589	12,059	683	1,131	913
1987	2,650	13,093	703	1,216	927
1988	2,799	14,253	730	1,354	964
1989	2,969	15,373	782	1,495	998
1990	3,147	16,518	837	1,640	1,002
1991	3,356	17,114	896	1,759	973
1992	3,560	17,785	944	1,906	953
1993	3,813	19,234	996	2,057	951
1994	4,060	20,654	1,053	2,206	970
1995	4,348	21,563	1,122	2,366	993
1996	4,663	22,639	1,192	2,475	1,028
1997	4,879	24,006	1,229	2,381	1,057
1998	4,409	22,967	1,053	2,174	1,029
1999	4,569	23,835	1,048	2,247	1,038
2000	4,862	25,356	1,084	2,321	1,061
2001	4,784	24,409	1,108	2,372	1,069
2002	4,941	24,740	1,140	2,491	1,085
2003	5,127	25,152	1,180	2,641	1,116
2004	5,372	26,699	1,222	2,782	1,168
2005	5,554	27,901	1,273	2,877	1,201
2006	5,756	29,527	1,324	3,004	1,242
2007	6,008	31,389	1,389	3,159	1,301
2008	6,186	31,169	1,452	3,206	1,333
2009	5,985	30,204	1,498	3,173	1,326
2010	6,319	33,885	1,570	3,399	1,403
2011	6,531	34,857	1,651	3,402	1,430
2012	6,786	34,577	1,732	3,609	1,501
2013	6,944	34,900	1,808	3,705	1,579

Sumber: UNCTAD.

Untuk menunjukkan keunikan kedudukan perkembangan ekonomi bagi lima negara ASEAN-5, Jadual 1.1 menunjukkan KDNK per kapita bagi negara ASEAN-5. Sejak tahun 1970-an, KDNK per kapita Singapura adalah jauh lebih tinggi daripada KDNK per kapita negara ASEAN-5 yang lain, dan diikuti oleh KDNK per kapita Malaysia. Filipina dianggap sebagai negara kedua terkaya di Asia dengan KDNK per kapita yang tinggi selepas Perang Dunia II telah merosot kepada kedudukan keempat pada awal tahun 1980-an (KDNK per kapita negara Thailand lebih tinggi daripada KDNK per kapita Filipina pada tahun 1984), dan kedudukan kelima pada awal tahun 1990-an (KDNK per kapita Indonesia melebihi KDNK per kapita Filipina pada tahun 1993). Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997 telah menyebabkan kegawatan ekonomi kepada ASEAN-5, terutamanya negara Thailand, Indonesia dan Malaysia adalah antara negara-negara yang menerima impak negatif semasa kemelesetan ekonomi ini berlaku. Selain itu, Singapura yang amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa dan FDI, kegawatan ekonomi yang berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 2000-an telah menyebabkan Singapura menerima impak negatif.

Jadual 1.2 menunjukkan perangkaan penting negara ASEAN-5 dalam tempoh tahun 2009 ke tahun 2013. Mulai separuh tahun kedua pada tahun 2008, ekonomi dunia telah mengalami krisis kewangan beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Keadaan ini semakin meluas pada tahun 2009 dengan hampir semua negara maju mengalami kemelesetan ekonomi. Negara-negara ASEAN-5 tidak dapat dikecualikan daripada nasib ini. Negara-negara seperti Thailand, Malaysia dan Singapura menerima impak yang buruk dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang negatif iaitu, -2.2 peratus, -1.7 peratus dan -1.3 peratus masing-masing. Manakala kadar pertumbuhan ekonomi Filipina merosot kepada 1.1 peratus dan kadar pertumbuhan ekonomi Indonesia merosot kepada 4.5 peratus. Keadaan ini telah

menyebabkan kadar pengangguran meningkat iaitu 3.7 peratus (Malaysia), 3.0 peratus (Singapura), 8.1 peratus (Indonesia), 1.5 peratus (Thailand) dan 7.5 peratus (Filipina).

Jadual 1.2: Perangkaan Penting Ekonomi Negara-Negara ASEAN-5

	Populasi (Milion Orang)	Kadar Inflasi (%)	Kadar Pengangguran (%)	KDNK Benar (% Pertumbuhan)	Eksport (USD Bilion)	Import (USD Bilion)	FDI (USD Bilion)
Malaysia							
2009	276.61	0.60	3.70	-1.7	186.42	144.87	1.45
2010	281.20	1.70	3.50	7.2	231.31	189.46	9.06
2011	285.73	3.20	3.10	5.1	264.78	217.26	12.20
2012	290.22	1.70	3.00	5.6	260.01	224.68	9.24
2013	294.65	2.20	3.10	4.7	255.66	226.68	12.12
Singapura							
2009	49.65	0.60	3.00	-1.3	369.19	323.92	23.82
2010	50.79	2.80	2.10	14.5	471.09	408.63	55.08
2011	51.91	5.20	2.00	4.9	548.64	476.27	48.00
2012	53.00	4.60	1.90	1.3	559.69	495.33	56.66
2013	54.05	2.40	1.90	4.1	567.64	499.08	64.79
Indonesia							
2009	2,384.65	4.80	8.10	4.5	133.16	111.61	4.88
2010	2,416.13	5.10	7.10	6.1	174.77	153.09	13.77
2011	2,448.08	5.40	6.60	6.5	221.69	197.32	19.24
2012	2,480.38	4.30	6.10	6.2	211.11	213.89	19.14
2013	2,512.68	7.70	6.60	5.3	205.20	212.30	18.82
Thailand							
2009	665.48	(0.90)	1.50	-2.2	180.94	154.69	4.85
2010	666.92	3.30	1.20	7.8	225.93	206.96	9.15
2011	669.03	3.80	0.70	0.1	260.69	254.26	1.19
2012	671.64	3.00	0.70	6.4	275.48	272.87	9.17
2013	674.51	2.20	0.70	2.9	284.38	274.27	14.02
Filipina							
2009	916.42	3.20	7.50	1.1	43.14	52.03	1.96
2010	930.39	3.80	7.30	7.3	54.47	65.52	1.30
2011	945.01	4.80	7.00	3.7	57.09	70.88	1.85
2012	960.17	3.10	7.00	6.6	66.76	79.44	2.03
2013	975.72	2.80	7.40	6.8	66.48	78.14	3.74

Sumber: UNCTAD.

Untuk menyelamatkan ekonomi negara, langkah ransangan ekonomi telah dijalankan oleh negara masing-masing dan pertumbuhan ekonomi negara ASEAN-5 secara keseluruhan telah menunjukkan kadar pertumbuhan yang baik seperti Singapura (14.5 peratus) pada tahun 2010. Selain itu, kadar pengangguran juga menurun. Walaupun kadar inflasi negara ASEAN-5 masing-masing meningkat, tetapi keadaan ini tidak banyak memberi kesan sampingan kepada pertumbuhan ekonomi. Peningkatan kadar inflasi adalah disebabkan akibat daripada impak ekonomi tahun 2009.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2011, kegawatan ekonomi dunia sekali lagi berlaku akibat daripada krisis hutang berdaulat yang berlaku di kawasan Euro, terutamanya bagi negara Portugal, Ireland, Greece, dan Sepanyol. Kegawatan ini telah ditokok pula oleh kesan negatif masalah ekonomi di Amerika Syarikat, seperti pengangguran yang tinggi, hutang negara yang besar serta defisit yang terus melebar. Akibatnya, negara ASEAN-5 seperti Thailand, Singapura dan Filipina menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembap, iaitu kadar pertumbuhan 0.1 peratus pada tahun 2011 bagi Thailand, kadar pertumbuhan 1.3 peratus pada tahun 2012 bagi Singapura dan kadar pertumbuhan 3.7 peratus bagi Filipina. Kadar pengangguran negara ASEAN-5 masing-masing menurun berbanding dengan tahun sebelumnya, tetapi kadar inflasi adalah meningkat disebabkan oleh kegawatan ekonomi Amerika Syarikat.